

Siri Suara PAS di Parlimen - 3

KE MANA RAKYAT DIBAWA?

HAJI NIK ABDULLAH ARSHAD

NASKAH PEMELIHARAAN
PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

10 AUG 1992

©Hakcipta Penerbit Terpelihara 1991

Mana-mana bahagian buku ini tidak boleh dihasilkan semula dalam apa jua bentuk tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan daripada pihak penerbit.

Cetakan Pertama: April 1991

M
324.2595P
NIK

diterbitkan oleh:

JABATAN PENERANGAN, PENYELIDIKAN DAN DAKWAH PAS PUSAT

28A, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang,

53000 Kuala Lumpur.

April 1991.

700632

Uruscetak oleh:

APB

Syarikat Perniagaan Al-Hafiz

47 Jalan Raja Muda Abdul Aziz,

53000 Kuala Lumpur. Tel: 2921114

18 NOV. 1993

Perpustakaan Negara
Malaysia

PRAKATA PENERBIT

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah
Lagi Maha Penyayang

RISALAH ini adalah terbitan ketiga dalam Siri Suara PAS di Parlimen. Harapan kami agar anda telah pun mendapatkan risalah-risalah terdahulu dalam siri ini.

Sebagaimana lain-lain Ahli Parlimen daripada PAS, Haji Nik Abdullah Arshad juga banyak menyumbangkan idea dan cadangan ke arah pembentukan sebuah negara yang adil. Berbagai-bagai aspek termasuk aspek pembangunan, pendidikan dan juga politik disentuh sepanjang sidang Dewan Rakyat penggal pertama lalu. Hatta ke peringkat menawarkan diri untuk bekerjasama dengan pihak Kerajaan dalam membangunkan negara, dengan syarat Kerajaan Barisan Nasional sedia membangunkan negara dengan Islam.

Islam menjamin keselamatan bukan sahaja orang-orang Islam, bahkan juga rakyat yang bukan Islam. Islam bukan sekadar menjamin keselamatan untuk manusia, ia juga menjamin keselamatan haiwan dan tumbuhan dan lain-lain makhluk Allah. Kesemua mereka diletakkan di bawah tanggungjawab manusia yang bergelar mukmin untuk mengendalikannya.

Sebab itulah, setiap Muslim perlu mengetahui tanggungjawab

kepimpinan yang mereka pikul. Setiap muslim adalah pemimpin kepada dirinya sendiri. Manakala seorang muslim yang diamanahkan memimpin negara pula hendaklah bertanggungjawab terhadap keadaan yang dialami oleh setiap rakyatnya.

Sudah lebih 30 tahun UMNO dan pemimpin-pemimpinnya menerajui pemerintahan negara. Namun, sebagaimana yang diutarakan oleh Haji Nik Abdullah Arshad dalam salah satu ucapannya, hingga kini rakyat masih tidak tahu ke mana Kerajaan Barisan Nasional mahu membawa mereka.

Banyak lagi hujah-hujah menarik yang dikemukakan oleh Haji Nik Abdullah yang kami rasa dapat dijadikan bahan rujukan dan panduan bagi para penganalisa dan peminat politik di negara ini. Segala yang dicurahkan oleh beliau sepanjang sidang Dewan Rakyat penggal lalu itu kami kumpul dan bukukan untuk kemudahan sesiapa jua yang memerlukannya.

Kami mengharapkan Allah jua untuk terus memberikan kami upaya dalam usaha kami menerbitkan risalah-risalah berikutnya.

Wallahu Waalam Bissawab. Wa Ilaihil Marja'u Wal Maab.

MOHD. NASIR BIN AWANG

Bahagian Penerbitan Buku,

**Jabatan Penerangan, Penyelidikan & Dakwah PAS Pusat,
Kuala Lumpur.**

12 April 1991.

Ke Mana Rakyat Hendak Dibawa?

(Dewan Rakyat, 20.12.90)

SAYA percaya Anggaran Belanjawan yang ada di hadapan kita kali ini amat menarik sekali walaupun rupa bukunya awal-awal lagi kelabu. Saya nampak pihak penyokong Kerajaan begitu gembira kerana mereka anggap Belanjawan ini boleh memenuhi aspirasi rakyat dan semua pihak. Sebab itu pada hari pembentangan Anggaran Belanjawan ini jelas ter-nampak seri muka-muka penyokong Kerajaan. Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri bahkan Perdana Menteri dan Timbalannya pun sentiasa tersenyum simpul mende-ngar ulasan-ulasan yang disampaikan oleh Menteri Kewang-an terutama sekali sewaktu Menteri Kewangan memberi kritik-kritik dan sindiran-sindiran yang tajam kepada Pem-bangkang yang dianggap tenggelam dalam politik khayalan.

Sebelum saya menyentuh beberapa masalah yang saya kira perlu ingin saya mengambil peluang untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kerajaan di atas kemenangan dan